

# Rakyat tak lagi percaya — PM

UM 13 APR 1993

**K**UALA LUMPUR 12 April — Perhimpunan rakyat Kelantan bagi membantah tindakan Sultan Kelantan dalam politik yang diadakan kelmarin menunjukkan bahawa sebahagian besar rakyat negeri itu sudah tidak mempunyai kepercayaan lagi pada sultan mereka, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

"Sultan yang tidak diiktiraf oleh rakyat...sudah hilang maruah sebagai raja," kata Perdana Menteri selepas mempengerusi mesyuarat Majlis Ter-

tinggi UMNO di sini petang ini.

Beliau juga melahirkan perasaan dukacita kerana pihak Istana Kelantan enggan menerima memorandum yang disampaikan oleh rakyat negeri itu.

Menurut beliau, keengganan untuk menerima rayuan rakyat itu semata-mata disebabkan campur tangan dalam politik, yang sepatutnya tidak dilakukan oleh baginda.

"Awal-awal lagi disebabkan campur tangan dalam politik, Sultan Ke-

lantan telah menunjukkan sikap tidak demokratik kerana tidak mahu menerima rayuan rakyat sedangkan dunia pada masa kini mengamalkan sistem demokrasi," ujar Presiden UMNO itu.

Dalam hubungan ini, katanya, Majlis Tertinggi UMNO menyokong pendirian rakyat Kelantan yang jelas ditunjukkan dalam perhimpunan tersebut.

"Orang Kelantan yang tegur raja kerana ambil bahagian dalam politik.

"Oleh itu, kita sokong

pendirian supaya raja berhenti daripada bersikap sebegitu," katanya.

Menurut beliau, keinginan kuat dan sikap yang ditunjukkan oleh rakyat Kelantan membuktikan bahawa mereka tidak lagi dapat menerima sikap istana negeri itu.

Menjawab satu pertanyaan, Dr. Mahathir berkata, selain daripada demonstrasi, 'cakap-cakap di kalangan rakyat Kelantan' menunjukkan mereka semakin menolak kerajaan yang dipimpin oleh Pas sekarang.